

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Ucapan: 24/02/2020

Kenyataan Media YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri Interim



KENYATAAN MEDIA YAB TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD SEBAGAI PERDANA MENTERI INTERIM

Adalah dimaklumkan bahawa KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah berkenan menerima peletakan jawatan YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia.

2. Walau bagaimanapun, Baginda telah berkenan untuk melantik YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri interim, sementara menunggu pelantikan Perdana Menteri yang baharu selaras Perkara 43 (2)(a) Perlembagaan Persekutuan.

3. Justeru dalam tempoh ini, beliau akan menguruskan pentadbiran Negara sehingga Perdana Menteri baharu dilantik dan kabinet dibentuk.

MOHD ZUKI BIN ALI
Ketua Setiausaha Negara

24 Februari 2020

Hakcipta Terpelihara © 2018 Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my/media/releases/7>